

102310 I 07 12 07

U 8495 AAB

MALAYSIA - DADAH

I

**KUALA LUMPUR, 7 D I S (BERNAMA)**- KERAJAAN COLOMBIA TELAH **MEMBUAT** SUMBANGAN BESAR DAN **BERNILAI** KEPADA USAHA-USAHA ANTARABANGSA UNTUK **MEMBASMI** ANCAMAN **DADAH**, KATA **PERDANA MENTERI**, DATUK **SERI DR MAHATHIR MOHAMAD**.

DALAM SURATNYA KEPADA PRESIDEN **COLOMBIA**, **VIRGILIO VARGAS** HARI **INI**, **PERDANA MENTERI BERKATA**, BELIAU MENGHARGAI SUMBANGAN DAN PERANAN DR VARGAS DAN RAKYAT COLOMBIA KERANA KEBERANIAN MEREKA MEMERANGI KEGIATAN **PARA PENGEDAR DADAH** ANTARABANGSA DI NEGARA ITU.

SURAT BERKENAAN BERSAMA SUMBANGAN KERAJAAN MALAYSIA SEBANYAK **AS\$20,000 (KIRA-KIRA 8501000)** KEPADA KERAJAAN COLMMBIA DISERAHKAN MELALUI WAKIL TETAP MALAYSIA DI **BANGSA-BANGSA BERSATU**, DATUK **RAZALI ISMAIL**, KEPADA WAKIL TETAP COLOMBIA.

SALINAN SURAT ITU DITERIMA DARIPADA WISMA PUTRA HARI **INI**.

**+SEBAGAI** Pengerusi Persidangan Antarabangsa 1987 mengenai penyalahgunaan dan pengedaran **HARAM DADAH** dan **PERDANA MENTERI** sebuah negara yang turut mengalami ancaman **DADAH**, **SAYA** member1 jaminan bahawa COLOMBIA tidak **KESEORANGAN**,+ KATA **PERDANA MENTERI**.

DATUK **SERI DR MAHATHIR BERKATA**, memandangkan hal **ITU**, MALAYSIA mengambil keputusan untuk menyumbangkan **AS\$20,000** kepada kerajaan COLOMBIA sebagai sokongan kepada usaha mereka memerangi masalah **DADAH**. - - **LAGI**

1627MST 07 12 89

D969

U B497 AAB

MALAYSIA - DADAH 2 KUALA LUMPUR

**+SUMBANGAN KECIL INI** mencerminkan sokongan kami kepada **USAHA-USAHA TUAN D A N SAYA BERHARAP I A N Y A** dapat digunakan untuk membantu keluarga **YANG** mengorbankan nyawa mereka menentang bahana **DADAH** dan pengedar yang mendapat untung **DARIPADANYA**,+ KATA **PERDANA MENTERI**.

DATUK **SERI DR MAHATHIR BERKATA**, beliau juga mengarahkan DATUK **RAZALI** supaya bekerjasama dengan negara-negara yang menghadapi masalah **SERUPA** untuk mencari jalan **BAGI** membantu kerajaan COLOMBIA.

SEMENTARA **ITU**, JURUCAKAP WISMA PUTRA **BERKATA**, MALAYSIA berpendapat bahawa perjuangan COLOMBIA menentang pengedaran **DADAH** merupakan satu **TUGAS** yang harus diikul oleh semua negara di dunia.

**KATANYA**, kegiatan **PARA PENGEDAR DADAH** sekarang tidak **LAGI** mengenali batasan sempadan dan MALAYSIA menganggap ianya **SEBAGAI** peperangan bersama jika sesiapa sahaja **INGIN** membanteras ancaman **NAJIS DADAH**. - - **BERNAMA**

1629MST 07 12 89